

# Sifat 20 **VS** Tauhid 3

**F**irman Allah s.w.t.: “Ketahuilah sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah...” (*Surah Muhammad* 47: 19) Sehubungan dengan itu, ilmu merupakan wasilah yang sangat penting untuk kenal Allah dan seterusnya barulah dapat menghambakan diri dengan sebenar-benarnya kepada-Nya.

Menjadi suatu kewajipan kepada manusia untuk mengenal Penciptanya. Justeru, hukama telah menyatakan: “Permulaan bagi agama ialah mengenal Allah.”


Syeikh Abdul Majid al-Zindani dalam pendahuluan kitabnya al-Iman telah menyatakan: “Sesungguhnya perkara pertama yang wajib ke atas setiap manusia ialah mengenal Allah melalui jalan ilmu.”

## Rintangannya ketika Mencari Kebenaran

Namun begitu, syaitan sentiasa mencari jalan agar manusia tersasar daripada jalan kebenaran. Bagi mereka yang tiada ilmu atau kurang ilmunya, mudahlah bagi syaitan untuk memperdaya mereka. Lihatlah tipu

### PROF MADYA DR MOHD SUKKI OTHMAN

■ Pensyarah kanan di UPM dan dikenali juga sebagai Ustaz Shauqi. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Syariah di Universiti Yarmouk, Jordan (1992–1996), mendapat Ijazah Sarjana Pengajian Islam dari UKM (2001) dan memperoleh PhD dalam bidang I'jaz al-Quran dari Akademi Pengajian Islam, UM. Sering muncul dalam rancangan televisyen dan radio, terlibat dalam bidang penulisan, menjadi kolumnis majalah selain menghasilkan buku akademik dan buku rujukan sekolah. Boleh dihubungi melalui e-mel, shauqi02@yahoo.com



daya yang dialami oleh Ratu Balqis dan rakyatnya sebagaimana firman Allah:

“Aku (burung hudhud) mendapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah; dan syaitan telah menjadikan mereka memandangi indah perbuatan-perbuatan mereka, lalu menghalang mereka dari jalan (Allah) sehingga mereka tidak mendapat petunjuk.” (*Surah al-Naml* 27: 24)

Golongan yang berilmu juga tidak terlepas. Syaitan mencari jalan lain yang penuh dengan strategi untuk mempengaruhi serta menyesatkan mereka. Antaranya dengan meniup sifat ego dan tidak mudah mengalah dalam diri mereka.

## Kaedah Kenal Allah

Dalam usaha untuk mengenal Allah s.w.t., pelbagai cara dan metodologi boleh dilakukan. Antaranya melalui pembelajaran Sifat 20 termasuk juga tauhid *Rububiyah*, *Uluhiyyah* dan *Asma' wa Sifat* yang lebih dikenali sebagai Tauhid Tiga.


Kedua-dua cara yang digunakan ini merupakan kaedah dan metodologi

untuk mengenal Allah berpaksikan al-Quran dan sunnah. Ulama telah meletakkan pelbagai cara, kaedah dan metodologi untuk mengenal sifat-sifat dan keagungan Allah s.w.t. agar manusia merasakan dirinya seorang hamba yang wajib taat dan patuh kepada-Nya. Pada masa yang sama, manusia tidak boleh sama sekali menyamakan Allah dengan sebarang makhluk.

Namun, mendukacitakan sekali apabila mutakhir ini berlaku pergaduhan dan permusuhan dalam kalangan ilmuwan dalam persoalan metodologi mengenal Allah s.w.t. ini. Masing-masing menuding jari ke arah pihak lawan dengan mendakwa bahawa metodologi yang digunakan mereka tidak betul dan bercanggah dengan hukum syarak, bahkan sampai ke tahap sanggup kafir-mengkafir!

## Perbalahan yang Merugikan

Akibatnya, masyarakat bertambah keliru dan perbalahan tersebut sedikit pun tidak dapat meningkatkan kefahaman masyarakat serta mendekatkan diri



“

*Perbezaan yang ada hanya melibatkan soal istilah sahaja. Sebaliknya umat Islam perlu bersatu untuk mengajak manusia beriman kepada Allah s.w.t.*

”

masing-masing mahu menunjukkan kehebatan masing-masing.

Apakah untungnya perbalahan ini? Apa yang kita dapat hanyalah kerugian semata-mata. Inilah tipu daya licik syaitan yang berjaya memporak-perandakan kasih sayang yang sepatutnya wujud dalam kalangan umat Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah: “Orang beriman itu bersaudara.” (*Surah al-Hujurat* 49: 10)

### Fahami dan Raikan Pandangan

Maka apabila dilihat kepada pengajian sifat 20, didapati bahawa ia merupakan satu metodologi pembelajaran akidah untuk mengenal Allah yang bersandarkan dalil naqli iaitu al-Quran dan hadis serta dalil *aqli* yang bertujuan untuk menjawab tuduhan yang ditimbulkan oleh pihak yang menyeleweng seperti kaum Muktazilah, Jabariyyah, Qadariyyah dan lain-lain.

Begitu juga dengan Tauhid Tiga yang juga merupakan salah satu metodologi untuk mengenal Allah. Menurut kitab *Perisai bagi Sekalian Mukalaf* tulisan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili:

Jadi, kedua-dua metodologi ini merupakan jalan untuk mengenal Allah tanpa menyamakan-Nya dengan makhluk. Oleh yang demikian, tidak perlu lagi untuk kita bergaduh dan bertelingkah dalam soal kaedah dan metodologi ini. Sebaliknya, kita hendaklah bersatu bagi memperkukuh keimanan dan tauhid dalam kalangan masyarakat agar dapat sama-sama membentuk manusia yang benar-benar beriman kepada Allah s.w.t.

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili ketika ditanya tentang perbalahan yang berlaku dalam hal ini, beliau sendiri dengan tegas mengingatkan agar kita tidak melayan dan jangan sama sekali menghiraukan perbalahan tersebut kerana perbezaan yang ada hanya melibatkan soal istilah sahaja. Sebaliknya umat Islam perlu bersatu untuk mengajak manusia beriman kepada

Allah s.w.t. 

 **Biasa:** 2 minit 34 saat  
**Pantas:** 0 minit 11 saat

mereka kepada golongan ilmuwan tersebut. Malahan mereka semakin jauh dan secara tidak langsung menjatuhkan kredibiliti golongan ilmuwan pada kaca mata masyarakat.

Amat menyedihkan juga apabila terdapat golongan yang bersikap ekstrem apabila menghukumkan sesat terhadap pengajian sifat 20 yang dikaitkannya dengan ajaran falsafah dan seumpamanya. Begitu juga terdapat pihak yang menyekat pengajian Tauhid Tiga serangkai ini yang dikaitkan dengan konsep trinititi Kristian. Perbalahan golongan ekstrem daripada kedua-dua pihak ini tidak akan berkesudahan memandangkan

## Cara Kenal Allah

### Zaman Nabi dan Sahabat

- Tiada sebarang istilah untuk memudahkan kefahaman bagi mengenal Allah.
- Melalui pemerhatian dan dalil *aqli*.
- Tatkala seorang Arab Badwi ditanya cara dia mengenal Allah, dia menjawab: “Tahi unta menunjukkan adanya unta. Kesan tapak kaki menunjukkan adanya orang yang berjalan. Oleh itu, langit berserta bintang-bintang serta bumi dengan segala gunung dan lurahnya, tidak-kah menunjukkan adanya Yang Maha Mengetahui iaitu Allah s.w.t.?”

### Zaman Para Ulama

- Dibentuk istilah seperti Sifat 20 dan Tauhid Tiga Serangkai untuk memudahkan kefahaman masyarakat bagi mengenal Allah.
- Dihasilkan melalui istinbat daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis.

#### Tauhid Rububiyah

Mentauhidkan Allah pada **perbuatan Allah** iaitu hanya Allah yang mentadbir, mencipta, memberi rezeki dan sebagainya.

#### Tauhid Uluhiyyah

Mentauhidkan Allah dalam **perbuatan hamba** iaitu sebagai hamba Allah tidak boleh sama sekali mensyirikkan Allah.

#### Tauhid Asma wa Sifat

Mengimani semua **nama dan sifat** Allah yang disebut dalam al-Quran.